

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI MOHAMAD BIN SABU
[KOTA RAJA]**

TARIKH : 16 NOVEMBER 2021 (SELASA)

SOALAN

TUAN HAJI MOHAMAD BIN SABU [KOTA RAJA] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah hasil siasatan terhadap pegawai SPRM yang telah ditangkap melibatkan kes kehilangan wang sebanyak RM29 juta.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kertas Siasatan terhadap pegawai SPRM yang telah ditangkap melibatkan kes kehilangan wang sitaan ini telah dikemukakan kepada Jabatan Peguam Negara pada 1 Oktober 2021 dan kini sedang dalam tindakan dan arahan lanjut daripada Timbalan Pendakwa Raya.

Setakat ini SPRM masih melaksanakan siasatan berdasarkan arahan lanjut yang diterima daripada Jabatan Peguam Negara pada 1 November 2021 untuk melengkapkan siasatan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2021**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN ABDUL LATIFF BIN ABDUL RAHMAN
[KUALA KRAI]**

TARIKH : 16 NOVEMBER 2021 (SELASA)

SOALAN

TUAN ABDUL LATIFF BIN ABDUL RAHMAN minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah projek pembangunan yang disenaraikan di dalam RMK-12 kepada negeri Kelantan dan berapa daripada jumlah RM25.8 bilion bagi perkhidmatan air juga diperuntukkan kepada negeri Kelantan.

JAWAPAN

**DIJAWAB OLEH YB DATO' SRI MUSTAPA BIN MOHAMED
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (EKONOMI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan sentiasa memberi perhatian kepada keperluan dan kemakmuran rakyat di seluruh negara termasuk negeri Kelantan. Kerajaan juga sentiasa berusaha untuk memastikan kesejahteraan rakyat terus menjadi keutamaan bagi memelihara dan meningkatkan taraf hidup rakyat.

2. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Persekutuan telah meluluskan sebanyak 373 projek untuk pelaksanaan di negeri Kelantan pada tahun 2021 dengan kos RM20.2 bilion dan peruntukan asal 2021 yang diluluskan adalah sebanyak RM1.8 bilion. Antara projek-projek pembangunan yang dilaksanakan di negeri Kelantan adalah melibatkan pembangunan sekolah, lebuhraya, jambatan, dan pembaikan cerun dan jalan.

3. Dengan mengambil kira kedudukan semasa kewangan negara, sebanyak RM2.4 bilion dicadangkan untuk tahun 2022 bagi meneruskan pelaksanaan projek tahun 2021 di negeri Kelantan. Peruntukan bagi perkhidmatan bekalan air di negeri Kelantan pada tahun 2022 berjumlah RM9.4 juta daripada RM716 juta DE Asas di seluruh negara.

Sekian, terima kasih.